

## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Servay Hypermarket (Sabah) Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, Sabah bagi sembilan (9) pertuduhan di bawah subperaturan 97(1)(b) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, iaitu atas kesalahan menjual kelengkapan voltan rendah yang dijual secara langsung kepada orang awam yang tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga. Pada 11 Jun 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap kesemua pertuduhan berkenaan dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 bagi setiap pertuduhan, gagal bayar waran levi dikeluarkan kepada OKS. OKS membayar denda tersebut pada hari yang sama.